



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

SESI AMANAT MENTERI SUMBER MANUSIA BERSAMA WARGA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA) SABAH

1. Sesi Amanat Menteri Sumber Manusia YB Encik Steven Sim Chee Keong bersama Warga KESUMA Sabah telah diadakan di Suria Ballroom, Hotel 7 Suria, Kota Kinabalu pada 17 September 2024. Semasa berucap kepada 250 orang warga KESUMA, Menteri menekankan bahawa pembinaan Malaysia memerlukan penggembler tenaga antara semua Jabatan, Agensi dan semua pekerja, dengan strategi yang menguntungkan kedua-dua pihak dan bersama-sama merealisasikan 3K iaitu Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan.
2. Sehingga bulan September ini, terdapat 6 pindaan akta telah berjaya dikuatkuasakan demi kepentingan semua pekerja, termasuk pindaan Sekysen 5 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) (Pindaan) 2022, Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020, Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2024, Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2024 dan Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja.
3. Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2024 telah membenarkan pekerja memilih kesatuan yang memenuhi keperluan dan kehendak pekerjaan dan mengurangkan campur tangan pihak berautoriti. Penubuhan kesatuan sekerja / persekutuan kesatuan sekerja tidak lagi tertakluk kepada sesuatu penubuhan atau mengikut prinsip keserupaan (similarity) dalam industri, trend atau pekerjaan.
4. Dengan ini, ia telah memberi kebebasan kepada pekerja untuk menubuh dan menganggotai kesatuan sekerja pilihan sendiri. Penambahbaikan peruntukan di bawah Akta ini mengambil kira prinsip utama dalam Konvesyen 87 berkaitan *Freedom of Association and Protection of the Right to Organise* dan seterusnya akan menukar landskap penubuhan kesatuan di Malaysia.
5. Beliau berkata, pindaan Ordinan Buruh Sabah telah dibentangkan pada Persidangan Parlimen Julai 2024 selepas 20 tahun dan 2 juta pekerja di Sabah akan mendapat manfaatnya. Demi mencapai Malaysia yang saksama, berharap Jabatan Tenaga Kerja Sabah dapat memberi taklimat kepada Ahli Parlimen Sabah dan memastikan pindaan Ordinan Buruh Sabah dapat diluluskan tahun ini.

6. Rang Undang-Undang berkaitan kebajikan pekerja gig akan dibentang untuk bacaan kali pertama pada Persidangan Parlimen Oktober ini, beliau berharap RUU akan memberi manfaat yang paling besar kepada pekerja. RUU ini akan mencakupi empat perkara yang penting, iaitu definisi pekerja gig, gaji atau upah, mekanisme kiraan dan perlindungan sosial.
7. Menteri berkata beliau menyokong kenaikan gaji yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana penjawat awam adalah pelaksana kepada semua polisi yang membela kepentingan semua rakyat dan pekerja, dan menyeru semua warga KESUMA terus bertungkus-lumus dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
18 SEPTEMBER 2024

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	